“Sesungguhnya kami dapati dalam diri kami sesuatu yang kami rasa terlalu besar untuk diucapkan.” Baginda bersabda: “Dan kamu telah merasainya?” Mereka berkata: “Ya.” Baginda bersabda: “Itulah iman yang sejati.”

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Beberapa orang sahabat Nabi datang, lalu mereka bertanya kepada baginda: “Sesungguhnya kami dapati dalam diri kami sesuatu yang kami rasa terlalu besar untuk diucapkan.” Baginda bersabda: “Dan kamu telah merasainya?” Mereka berkata: “Ya.” Baginda bersabda: “Itulah iman yang sejati.”

[صحيح] [رواه مسلم]

Sekumpulan para sahabat Nabi صلى الله عليه وسلم datang lalu bertanya kepada Baginda tentang perkara-perkara besar yang mereka dapati dalam diri mereka, yang terasa amat berat untuk diucapkan kerana keburukannya dan kebencian mereka terhadapnya, Maka Baginda bersabda: "Sesungguhnya apa yang kamu rasakan ini adalah keimanan yang tulus dan keyakinan sejati, yang mendorong kamu menolak apa yang dibisikkan syaitan di dalam hati, serta penolakan kamu untuk melafazkannya dan perasaan betapa besarnya perkara itu dalam diri kamu. Sesungguhnya syaitan tidak dapat menguasai hati kamu, berbeza dengan orang yang syaitan telah menguasai hatinya dan tidak lagi ada penentangan daripadanya."

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65011